

STEM MENTOR-MENTEE AWARD COMPETITION @ PWTC

Disediakan oleh: Nurul Izza Husin

Pada Februari 2018, beberapa orang pensyarah JSG telah mewakili Jabatan Sains Gunaan dalam pertandingan STEM Mentor-Mentee Award bersempena penganjuran *Malaysian Technology Expo (MTE) 2018* yang berlangsung pada 22 hingga 24 Februari 2018. MTE 2018 yang berlangsung di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur ini berjaya menghimpunkan pelbagai pihak yang berpayungkan minat, misi serta visi yang sama dalam mempromosikan STEM di segenap lapisan masyarakat. JSG telah membentangkan hasil kerja STEM iaitu Karnival Sains yang telah diadakan di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang yang melibatkan beberapa buah sekolah menengah di sekitar Sebarang Perai. Program ini merupakan satu langkah proaktif yang telah diambil oleh warga JSG sebagai usaha mempromosikan STEM kepada masyarakat khususnya pelajar sekolah.

